

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN  
HAMIDI [BAGAN DATUK]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 22**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan untuk menetapkan kadar tertentu bagi pencen penjawat awam pada masa akan datang.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merujuk kepada Peraturan-peraturan Pencen 1980, pengiraan pencen kepada penjawat awam adalah berasaskan kepada tempoh perkhidmatan yang boleh diambilkira tertakluk maksimum  $\frac{3}{5}$  daripada gaji akhir.

Bagi situasi dimana pegawai dibersarakan atas sebab kesihatan, kematian dalam perkhidmatan atau penswastaan, pencen minimum yang boleh diberikan kepada pegawai adalah  $\frac{1}{5}$  daripada gaji akhir. Manakala, bagi pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun tempoh perkhidmatan yang boleh diambilkira, pegawai akan menerima pencen terendah sebanyak RM1,000.00 sekiranya pengiraan pencen adalah kurang daripada jumlah tersebut.

Pada masa sekarang, Kerajaan belum bercadang untuk menetapkan kadar tertentu pencen selain daripada keadaan yang dinyatakan di atas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan yang telah disusun semula berikutan kurang berprestasi dan senarai nama ketua GLC yang baru dan bagaimana mereka boleh berperanan untuk meningkatkan prestasi yang ada.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwat Ekonomi (MEA) akan menumpukan kepada institusi yang berada di bawah bidang tanggung jawab kementerian ini iaitu Khazanah Nasional Berhad.
2. Khazanah merupakan syarikat pelaburan strategik negara di mana penjualan atau lebih tepat, “pelupusan” aset adalah aktiviti perniagaan yang lazim dilakukan oleh Khazanah sebagai sebuah dana pelaburan. Khazanah mengklasifikasikan aset dan pelaburannya kepada dua kategori iaitu aset strategik dan aset komersial. Bagi aset komersial, Khazanah tidak mencampuri urusan pengurusan syarikat, namun, memegang sejumlah saham bagi tujuan pelaburan dan pelupusan sahaja.

3. Bagi aset-aset strategik Khazanah seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia (TM), Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) dan Malaysia Airlines Group Berhad (MAS), Khazanah sentiasa meletakkan sasaran yang tinggi bagi memastikan ia memenuhi tuntutan serta objektif strategik dan kewangan organisasi.

4. Sehubungan itu, pelaksanaan pelan strategik baharu di beberapa buah GLC-GLC seperti ini adalah turut menjadi dasar kepada pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) serta anggota Pengurusan Tertingginya. Pelantikan mereka adalah berdasarkan pencapaian serta sumbangan dalam mencapai sasaran syarikat.

5. Sebagai contoh, berikut adalah GLC-GLC tersenarai terbesar di bawah Khazanah yang diterajui oleh CEO baharu serta pelan strategik / tindakan yang dirancang oleh syarikat-syarikat berkenaan:

<b>GLC</b>	<b>Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)</b>	<b>Pelan Strategik / Peranan</b>
Tenaga Nasional Berhad	Encik Amir Hamzah Azizan (dilantik pada 2 April 2019)	Pelaksanakan inisiatif penyusunan semula dalaman untuk memastikan kelangsungan perniagaannya pada masa hadapan dan menyelaraskan syarikat dengan pembaharuan 2.0 Malaysian Electricity Supply Industry ("MESI").
Telekom Malaysia	Dato' Noor Kamarul Anuar bin Nuruddin (dilantik pada 13 Jun 2019)	Meningkatkan prestasi TM melalui pelaksanaan Rancangan Peningkatan Prestasi (PIP) 2019-2021 yang merupakan lanjutan daripada rancangan PIP 2018 yang terdiri daripada 4 bidang utama, iaitu: <ol style="list-style-type: none"><li>1. Pemeliharaan dan Peningkatan Pendapatan;</li><li>2. Keuntungan yang Berkekalan;</li><li>3. Aliran Tunai Meningkatkan; dan</li></ol>

		<p>4. Peningkatan Produktiviti.</p> <p>Dengan 4 bidang utama ini sebagai panduan, TM menyasarkan untuk memastikan daya tahan dan kemampuan jangka panjang ke arah membentuk "TM Baharu".</p>
Malaysia Airports Holdings Berhad	YM Raja Azmi Raja Nazuddin (dilantik pada 1 Feb 2019)	Persediaan untuk beralih kepada keadaan operasi di bawah rangka kerja <i>Regulated Asset Base</i> ("RAB").
Malaysia Airlines Group Berhad	Kapten Izham Ismail (dilantik pada 1 Disember 2017)	Menilai semua pilihan strategik bersama-sama Khazanah untuk memacu syarikat ke arah kemampuan kewangan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.